

PM utus surat mohon 10,000 kuota tambahan haji

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sudah mengutus surat rasmi kepada kerajaan Arab Saudi memohon kuota tambahan haji musim haji tahun ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Zukri Samat, berkata usaha itu bagi mendapatkan kuota tambahan sebanyak 10,000 bagi bakal haji.

“Buat masa ini kita belum menerima sebarang jawapan daripada Kerajaan Arab Saudi, namun Dr Mahathir sudah pun mengutuskan surat rasmi kepada Arab Saudi berhubung perkara ini.

“Sekiranya kita gagal mendapatkan 10,000 kuota tambahan, 8,000 kuota pun sudah memadai supaya dapat memendekkan tempoh menunggu bakal jemaah yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis Khatam Al-Quran dan TH World *#QuranHour*, di sini, semalam.

Zukri berkata TH mungkin berdepan kesukaran untuk mendapatkan penerbangan dan tempat tinggal bagi jemaah haji sekiranya kerajaan Arab Saudi memberi jawapan pada saat akhir.

Harap dapat keputusan segera

“Bila kita dapat kuota tambahan, banyak perkara kita perlu sediakan seperti penginapan dan penerbangan jemaah.

“Jadi, lebih awal kita terima kuota, lebih baik pengurusan kita. Kos juga akan bertambah jika jawapan diberikan pada saat akhir. Kita berharap keputusan dicapai secepat mungkin kerana penerbangan jemaah haji yang pertama adalah pada 4 Julai depan,” katanya.

Bagaimanapun, Zukri berkata, beliau tidak boleh menjangkakan berapa banyak kuota tambahan yang akan diberikan oleh Arab Saudi berikutan banyak faktor yang diguna pakai kerajaan itu untuk menentukan perkara berkenaan.

“Beberapa tahun kebelakangan ini, ada rayuan kita yang diluluskan dan sebaliknya. Jadi, untuk saya menyebut apakah peluang itu agak susah sebab tidak tahu apa kejangkauan yang dihadapi mereka,” katanya.